



19 JAN, 2025

## Jangan pandang rendah teknologi, bakat Malaysia - PM

Sinar Harian, Malaysia



Rakyat Malaysia di luar negara tidak seharusnya memandang rendah kemajuan yang ada di tanah air

LONDON

Rakyat Malaysia yang berada di luar negara tidak seharusnya memandang rendah terhadap kemajuan teknologi, kelekapan dan bakat yang ada di tanah air.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelabur global secara berterusan mengiktiraf penggunaan teknologi yang ada di Malaysia kerana ramai dalam kalangan mereka terus membuat pelaburan selepas bertahun-tahun menjalankan perniagaan mereka di Malaysia.

Mengambil contoh, Infineon Technologies AG yang merupakan pengeluar semikonduktor terbesar Jerman, Anwar ber-

# Jangan pandang rendah teknologi, bakat Malaysia - PM



Anwar (kiri) pada sesi dialog ketika Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Diaspora Malaysia di United Kingdom.

kata, mereka baru-baru ini melabur enam bilion euro kerana mereka menganggap Malaysia mempunyai tahap kepakaran,

teknologi dan bakat selain di negara mereka.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan semasa

Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra bersama lebih 700 diaspora Malaysia di sini.

Menurut Anwar, di Malaysia

terdapat kira-kira 400,000 pelajar luar negara di universiti tempatan kerana standard universiti yang tinggi.

Malah, Perdana Menteri berkata, syarikat Malaysia seperti YTL, Eco World, Sime Darby dan TNB menunjukkan prestasi yang baik di United Kingdom serta berjaya memenangi projek melalui tender terbuka terutama disebabkan oleh teknologi dan tenaga kerja mereka miliki.

Katanya, pelajar yang belajar di UK atau negara lain boleh terus kekal dan bekerja di negara tempat mereka belajar, untuk menimba pengalaman serta memperoleh teknologi baharu.

"Malah, JPA sedang memikirkan untuk membenarkan pelajar tajaan mereka tinggal dan terus belajar jika mereka tidak diperlukan untuk segera pulang," ujar beliau. - Bernama